

BAHASA MELAYU



KATA ADJEKTIF PERASAAN



DISEDIAKAN OLEH:
CIKGU HANISAH BINTI RAMLI



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD

- Kata adjektif perasaan ialah kata yang menerangkan maksud perasaan atau kata yang menunjukkan perasaan sebagai penerang kata nama.
- Ia diikuti oleh kata sendi nama.

CONTOH

gembira, sedih, suka, risau, ragu, kecewa, takut, marah, bimbang, benci, gelisah, sayang, rindu, kasih, keliru, segan, cinta, terkejut, bangga



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



gembira

Maksud:

sangat suka, girang, besar hati

Ayat Contoh:

Adik gembira kerana mendapat sepasang kasut baharu.



marah

Maksud:

perasaan panas hati, berang, murka

Ayat Contoh:

Jilian berasa sangat marah kerana ditipu oleh kawannya.



sedih

Maksud:

hati berasa susah, pilu, hiba, sayu, duka

Ayat Contoh:

Kamalia sedih kerana sudah lama dia tidak berjumpa dengan ibu bapanya.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



sayang

Maksud:

mengasihi, mencintai

Ayat Contoh:

Mimi amat sayang akan ibunya.



kagum

Maksud:

hairan, takjub, berasa sangat tertarik

Ayat Contoh:

Hakim begitu kagum dengan persembahan penyanyi kesukaannya.



pelik

Maksud:

aneh, ganjil, tidak biasa

Ayat Contoh:

Zara berasa pelik dengan kelakuan lelaki itu.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



hairan

Maksud:

berasa pelik atau ganjil

Ayat Contoh:

Nazri hairan melihat orang ramai berkumpul di rumahnya.



ragu

Maksud:

sangsi, waswas, syak, bingung

Ayat Contoh:

Vivian berasa ragu untuk menjawab soalan itu.



suka

Maksud:

perasaan girang dalam hati,
senang hati

Ayat Contoh:

Rita suka akan hadiah hari lahirnya.

BAHASA MELAYU



KATA ADJEKTIF PERASAAN

2

DISEDIAKAN OLEH:
CIKGU HANISAH BINTI RAMLI



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD

- Kata adjektif perasaan ialah kata yang menerangkan maksud perasaan atau kata yang menunjukkan perasaan sebagai penerang kata nama.
- Ia diikuti oleh kata sendi nama.


CONTOH

gembira, sedih, suka, risau, ragu, kecewa, takut, marah, bimbang, benci, gelisah, sayang, rindu, kasih, keliru, segan, cinta, terkejut, bangga



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



gembira

Maksud:

sangat suka, girang, besar hati

Ayat Contoh:

Lina gembira kerana mendapat komputer baharu.



marah

Maksud:

perasaan panas hati, berang, murka

Ayat Contoh:

Ibu masih marah kepada saya.



sedih

Maksud:

hati berasa susah, pilu, hiba, sayu, duka


Ayat Contoh:

Intan sedih kerana kehilangan kucing kesayangannya.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



sayang

Maksud:

mengasihi, mencintai

Ayat Contoh:

Setiap ibu bapa sayang akan anak mereka.



bimbang

Maksud:

gelisah, khawatir, risau

Ayat Contoh:

Ayah bimbang akan keselamatan abang di bandar.



kecewa

Maksud:

dukacita kerana tidak tercapai harapan atau kehendak, hampa

Ayat Contoh:

Johan sangat kecewa dengan keputusan peperiksaan akhir tahunnya.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



cemas

Maksud:

gelisah, bimbang, risau

Ayat Contoh:

Fadli cemas menanti kelahiran anak sulungnya.




keliru

Maksud:

celaru, salah anggap, khilaf, sesat

Ayat Contoh:

Saya masih keliru dengan soalan tadi.



suka

Maksud:

perasaan girang dalam hati,
senang hati

Ayat Contoh:

Adik saya sangat suka akan kucing.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



geram

Maksud:

marah, panas hati, sakit hati

Ayat Contoh:

Hanim geram kerana adiknya suka menyepahkan barang.



takut

Maksud:

gentar, tidak berani, gerun

Ayat Contoh:

Mizi takut untuk ke sekolah kerana tidak menyiapkan kerja yang diberi.



benci

Maksud:

tidak suka


Ayat Contoh:

Dahlia sungguh benci dengan perbuatan jahat lelaki itu.



KATA ADJEKTIF PERASAAN

MAKSUD DAN AYAT CONTOH



bangga

Maksud:
besar hati, megah

Ayat Contoh:
Dania berasa bangga apabila dipuji oleh gurunya.



terkejut

Maksud:
terperanjat, kaget, tersentak

Ayat Contoh:
Abang terkejut apabila mendengar berita kematian sahabatnya.



gelisah

Maksud:
tidak tenang/tenteram, risau

Ayat Contoh:
Puan Anida gelisah kerana anaknya masih belum pulang.